

12 DEC 1997

Mahathir-Harga

MAHATHIR: UNDANG-UNDANG CEGAH KAUT UNTUNG BERLEBIHAN MUNGKIN DIGUBAL

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini kerajaan akan menyiasat bagi mengenal pasti sebab atau punca sebenar harga barangan naik sejak kebelakangan ini.

"Saya nak tahu apa sebab dia (harga barangan) naik," kata beliau pada persidangan berita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang sekembalinya daripada menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Tehran.

Dr Mahathir berkata kerajaan mungkin terpaksa mengubal undang-undang bagi mencegah pihak-pihak tertentu daripada mengaut keuntungan yang berlebihan seperti yang dilakukan semasa zaman darurat dahulu.

Kata beliau, cadangan itu bagi mengatasi masalah kenaikan harga barangan.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenaikan harga barangan selain gula, tepung dan susu yang diumumkan kerajaan baru-baru ini.

Sebuah akhbar tempatan melaporkan hari ini bahawa ramai peniaga didapati mengambil kesempatan menjual minyak masak antara lima sen dan 60 sen lebih tinggi daripada paras harga ditetapkan kerajaan, sebelum penguatkuasaan harga baru itu pada 16 Disember ini.

Selain itu, harga barangan keperluan harian lain seperti tepung dan ayam kecuali gula, turut meningkat sedangkan kerajaan hanya meluluskan penguatkuasaan harga barunya pada 1 Februari depan.

Rabu lepas, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Megat Junid Megat Ayob mengumumkan kenaikan harga gula, tepung dan susu antara 10 dan 25 sen berkuatkuasa 1 Feb depan.

Mulai tarikh itu, harga gula adalah sebanyak RM1.45 satu kg (naik 25 sen) dan tepung RM1.20 satu kg (naik 20 sen), manakala susu pekat manis RM1.60 satu tin untuk 397gm (naik 10 sen) dan RM2.05 satu tin 525gm.

Harga susu penuh krim pula akan naik kepada RMRM1.75 satu tin untuk 397 gm dan RM2.20 satu tin untuk 525gm.

Harga gula dan susu di Sabah dan Sarawak adalah 10 peratus lebih daripada harga baru di semenanjung kerana kos pengangkutan.

Harga ayam ladang juga dinaikan sebanyak 15 peratus satu kg.

Sementara itu, paras harga minyak masak sekilogram ialah RM3.30 untuk minyak tulen dan RM3.60 untuk campuran. Ia akan berkuatkuasa 16 Disember ini. --BERNAMA

ES WAT